

**TEKS UCAPAN
YAA TUN TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT
KETUA HAKIM NEGARA**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN KOMPLEKS
MAHKAMAH KOTA BHARU**

**PADA 14 MAC 2023 (SELASA)
BERSAMAAN 21 SYAABAN 1444 HIJRAH**

**DI
KOMPLEKS MAHKAMAH KOTA BHARU, KELANTAN
JAM 9.00 PAGI**

Bismillahirahmanirahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
Salam Sejahtera,

Salam Kelantan, Allah Ditaati, Raja Disanjungi, Rakyat
Dikasihi ; Kelantan Maju, Rakyat Sejahtera.

Mengadap,

- a) **Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota
Kelantan Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra
ibni Almarhum Sultan Ismail Petra**

- b) **Yang Teramat Mulia Che Puan Mahkota
Kelantan Datuk Sofie Louise Johansson Petra**

- a) **Yang Maha Mulia Raja Perempuan Tengku
Anis binti Almarhum Tengku Abdul Hamid**

- b) **Yang Amat Mulia Tengku Muhammad Fakhry
Petra ibni Al-Marhum Sultan Ismail Petra
Tengku Bendahara Kelantan**

Ampun Tuanku

1. Patik bagi pihak majlis, dengan penuh hormat dan takzimnya, merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih, atas limpah ampuni perkenan Duli - Duli Tuanku berangkat bagi menyempurnakan perasmian Kompleks Mahkamah Kota Bharu pada pagi yang indah ini. Sesungguhnya keberangkatan Duli – Duli Tuanku akan menambah serikan lagi majlis pada hari ini dan akan menjadi kenangan yang indah kepada patik – patik sekalian.

Ampun Tuanku,

2. Patik pohon limpah ampuni perkenan Duli - Duli Tuanku untuk patik menyampaikan sepatah dua kata kepada dif-dif kehormat serta tetamu sekalian.

Ampun Tuanku,

- a) **Yang Amat Berhormat Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob,**
Menteri Besar Kelantan
Dan
Yang Amat Berbahagia Datin Bentara Kanan Hajjah Siti Zabidah binti Ab. Hamid
- b) **Yang Amat Arif - Yang Amat Arif, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Malaya, Hakim Besar Sabah dan Sarawak**
- c) **Yang Berhormat Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh,**
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi)
- d) **Yang Berhormat Dato' Ustaz Haji Abdullah bin Yakub,**
Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan
- e) **Yang Berbahagia Datuk Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh,**
Peguam Cara Negara

- f) **Yang Arif Dato' Roslan Bin Haji Abu Bakar,**
Hakim Mahkamah Tinggi Kota Bharu
- g) **Yang Arif Datuk Mohamad Abazafree bin Mohd Abbas**
Pesuruhjaya Kehakiman
- h) **Yang Berhormat Dato' Kaya Setia Datuk Nazran bin Muhammad,**
Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
- i) Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan
- j) Ketua-Ketua Jabatan Negeri Kelantan dan Persekutuan
- k) Yang Berbahagia, Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri, Datin Seri-Datin Seri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Dif-Dif kehormat
- l) Tuan-Tuan dan Puan-Puan
- m) Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

3. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, sebentar lagi kita akan dapat mendengar titah perasmian dan menyaksikan Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra ibni Almarhum Sultan Ismail Petra merasmikan Kompleks Mahkamah Kota Bharu.
4. Saya bagi pihak Badan Kehakiman dan warga Mahkamah mengucapkan terima kasih kepada para hadirin kerana turut sama hadir pada pagi yang bersejarah ini bersempena dengan perasmian Kompleks Mahkamah Kota Bharu di lokasi baharu ini.
5. Kompleks Mahkamah yang tersergam indah ini menggantikan kompleks mahkamah di lokasi lama di pusat bandar Kota Bharu, yang tidak lagi berupaya menampung operasi harian mahkamah yang semakin bertambah. Ini jelas dilihat daripada jumlah pendaftaran kes-kes bagi Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret Kota Bharu, yang semakin meningkat.

6. Bagi tempoh Januari 2022 hingga Disember 2022, jumlah keseluruhan pendaftaran kes sivil dan kes jenayah di semua peringkat mahkamah di Kompleks Mahkamah Kota Bharu ialah sebanyak 13,579. Daripada jumlah tersebut, 6,412 adalah kes jenayah dan kes jenayah terbanyak yang didaftarkan adalah melibatkan kesalahan berkaitan dadah.

7. Di Mahkamah Tinggi pendaftaran kes di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah sebanyak 72 kes, di Mahkamah Sesyen pula, kes tangkapan bagi kesalahan berkaitan dadah berjumlah 254 kes dan di Mahkamah Majistret pendaftaran kes berkaitan kesalahan dadah adalah sebanyak 3357 kes

8. Badan Kehakiman sentiasa komited untuk memastikan semua kes dilupuskan dengan efisien. Namun demikian, untuk menangani mahupun mencegah kesalahan-kesalahan jenayah terutamanya kesalahan berkaitan dadah, peranan Mahkamah semata-mata tidak mencukupi.

Sebaliknya, semua pihak hendaklah bersatu hati dan memainkan peranan masing-masing demi membanteras isu ini kerana kesannya yang amat dahsyat sehingga boleh memusnahkan masa depan terutamanya generasi muda, bahkan boleh melumpuhkan pembangunan fizikal dan rohani rakyat.

9. Selain itu, kes melibatkan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang didaftarkan di Mahkamah Sesyen Kota Bharu juga adalah amat membimbangkan, iaitu sebanyak 59 kes berbanding kes berhubung jenayah seksual dewasa sebanyak 18 kes sahaja. Dalam hal ini semua pihak hendaklah sentiasa cakna dalam memastikan hak dan kebijakan kanak-kanak yang merupakan golongan rentan sentiasa diberikan keutamaan dan mangsa kanak-kanak diberikan perlindungan yang sewajarnya. Di pihak Mahkamah, kes jenayah seksual kanak-kanak sentiasa diberikan keutamaan menerusi pengendalian prosiding dalam mahkamah khas jenayah seksual kanak-kanak.

10. Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Kerja Raya, kontraktor dan semua pihak yang telah terlibat dalam proses pembinaan kompleks ini, yang telah siap lebih awal daripada jadual asalnya.

11. Saya juga merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Majlis Perasmian Kompleks Mahkamah Kota Bharu, semua Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, badan-badan berkanun, dan semua pihak yang telah memberi kerjasama dalam menjayakan Majlis Perasmian Kompleks Mahkamah Kota Bharu pada hari ini.

Ampun Tuanku ,

12. Demikianlah persembahan ucapan patik. Patik sekali lagi mewakili Badan Kehakiman Malaysia, merafak sembah, menjunjung setinggi – tinggi kasih atas limpah ampuni perkenan Duli – Duli Tuanku berangkat ke majlis yang indah pada hari ini.
13. Patik berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, semoga Duli – Duli Tuanku, bertambah daulat, kemuliaan, dan kebesaran, serta dianugerahi kesihatan dan dilanjutkan usia serta pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, kekal bersemayam atas singgahsana takhta Kerajaan Negeri Kelantan, memerintah dengan adil dan saksama, sebagai pelindung keamanan dan kesejahteraan rakyat negeri Kelantan serta seluruh Usrah Diraja sekaliannya semoga sentiasa berada dalam keadaan sihat wal'afiat, dan dilanjutkan usia oleh Allah Subhanahu WaTaala.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh.
Menjunjung Kasih Tuanku

Ampun Tuanku

**Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat
Ketua Hakim Negara**